

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan telah kembali mendapat pekerjaan hasil dari inisiatif **PENJANA**.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO**, seramai **99,696** orang pekerja telah kehilangan pekerjaan dari Januari 2020 sehingga 27 November 2020.

2. Sehingga 27 November 2020, PERKESO telah **berjaya menempatkan** seramai **120,296** orang menerusi Program Penempatan Pekerjaan. Penempatan ini adalah termasuk mereka yang menganggur, kehilangan pekerjaan dan pencarum SIP menerusi portal *MYFutureJobs*. Manakala, bermula Jun 2020 sehingga 27 November 2020, **Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentives)** telah berjaya menempatkan seramai 90,930 orang pekerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 99,696 orang yang kehilangan pekerjaan dan pencari kerja awam melalui temuduga terbuka telah dapat ditempatkan semula melalui inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.